

TARIKH: 12/12/23

SURAT KHABAR: Sinar Harian

MUKA SURAT: 15

Sinar Harian TELUS & TULUS
selharian.com.my

NASIONAL 15
SELASA 12 DISEMBEN 2023 • SINAR HARIAN

86 warga asing menganggur diselamatkan di tapak pembinaan

IPOH - Seramai 86 warga asing diselamatkan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam Op Pengakuasaan Perburuan Bersepadu di tiga tapak pembinaan berasingan, pada Isnin.

Serbuan sekitar jam 7.50 pagi di Laluan Meru Indah di sini, Tapah dan Sitiawan itu disertai Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Jabatan Imigresen Malaysia, Polis, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dalam serbuan itu, sekumpulan pekerja warga asing yang tinggal di rumah kongsi bertempiaran lari ke dalam hutan berhampiran sebelum berjaya ditahan.

Ketua Pengarah JTKSM, Kamal Pardi berkata, tindakan diambil selepas menerima aduan awam terhadap isu pengabaian pekerja oleh majikan.

Menurut beliau, seramai 52 lelaki diperiksa di Ipoh manakala masing-masing 17 orang diperiksa di Tapah dan Sitiawan terdiri warga Bangladesh, Myanmar dan Indonesia.

“Daripada jumlah itu, sembilan individu merupakan pemegang kad Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR), manakala 23 yang lain adalah pendatang asing tanpa izin (PATI).

“Siasatan mendapati pekerja-pekerja terbabit masih belum ada pekerjaan lebih dua minggu. Dalam tempoh itu, mereka tinggal di rumah kongsi sempit yang tidak kemudahan,” katanya kepada pemberita di sini.